

**PEPERIKSAAN KEMASUKAN JUNIOR SATU (2020)**  
**SEKOLAH MENENGAH YU YUAN**

**KERTAS BAHASA MALAYSIA**

---

TARIKH: 29 SEPTEMBER 2019

MASA:

**(1 JAM)**

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas ini mengandungi **dua** bahagian.
2. Bahagian A merangkumi 30 soalan aneka pilihan. Murid-murid dikehendaki menjawab **semua** soalan.
3. Bahagian B merangkumi satu petikan dan dua soalan karangan. Murid-murid dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam petikan tersebut dan **satu** daripada soalan karangan.
4. Kertas soalan ini mengandungi **lapan** muka surat bercetak termasuk bahagian A dan bahagian B.
5. Kertas soalan ini **wajib** dikembalikan.

**Jangan Buka Kertas Soalan Ini Sehingga Diberitahu**

Nama : \_\_\_\_\_ Sekolah : \_\_\_\_\_

## Bahagian A

### SOALAN 1 HINGGA SOALAN 10

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk diisikan pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

1. Adik menangis kerana \_\_\_\_\_ terjatuh dan kakinya luka.  
A. saya                      B. mereka                      C. dia                      D. awak
2. Doktor Chong bertugas sebagai doktor gigi di \_\_\_\_\_.  
A. Maktab Pengurusan Ipoh                      B. Tadika Seri Cahaya  
C. Hospital Kuala Lumpur                      D. Kolej Permata
3. Faktor utama berlakunya kemalangan adalah berpunca \_\_\_\_\_ sikap pemandu sendiri.  
A. di                      B. dari                      C. pada                      D. daripada
4. Mamat berasa \_\_\_\_\_ kerana tersesat di dalam hutan semasa mencari kayu api.  
A. takut                      B. marah                      C. gembira                      D. kecewa
5. Penari lelaki itu sedang menggigit \_\_\_\_\_ parang semasa menarikan tarian ngajat.  
A. sekawan                      B. sebuah                      C. sebilah                      D. sebatang
6. Aida \_\_\_\_\_ daun-daun kering yang berguguran di halaman rumah neneknya.  
A. mengelap                      B. menyapu                      C. menolak                      D. mengesat
7. Setiap pagi, Si Comel dan Si Tompok keluar \_\_\_\_\_ makanan untuk keluarga mereka.  
A. mencari                      B. penari                      C. dicari                      D. bercari
8. “ \_\_\_\_\_, sakitnya kakiku kerana terpijak duri!”jerit Sang Singa.  
A. Wah                      B. Aduh                      C. Amboi                      D. Aduhai

Pilih perkataan **seerti** bagi perkataan yang **bergaris**.

9. **Cahaya** matahari yang terik menyebabkan pekerja-pekerja binaan bangunan itu berasa haus.  
Perkataan seerti bagi **Cahaya** ialah \_\_\_\_\_.  
A. Terang                      B. Sinaran                      C. Warna                      D. Cerah

Pilih perkataan **berlawanan** bagi perkataan yang **bergaris**.

10. Selepas Jane berpindah tempat duduk, penglihatannya menjadi **jelas**.  
Perkataan berlawanan bagi **jelas** ialah \_\_\_\_\_.  
A. cerah                      B. terang                      C. kabur                      D. senang

## SOALAN 11 HINGGA SOALAN 15

Ayat-ayat yang berikut  ***mungkin betul***  dan  ***mungkin salah*** . Jika  ***terdapat kesalahan***  itu telah ditandai dengan  ***A*** ,  ***B*** , atau  ***C***  dan jika  ***tiada kesalahan***  telah ditandai dengan  ***D*** . Pilih jawapan yang  ***paling sesuai*** .

11. Lim mengalirkan air mata kerana terlalu gembira mendengar berita tentang kemalangan itu.

A

B

C

Tiada kesalahan.

D

12. Ketiga tokoh motivasi terkenal itu akan membincangkan pandangan mereka tentang isu

A

B

gejala sosial dalam forum yang akan diadakan pada malam ini. Tiada kesalahan.

C

D

13. Ibu bapa perlu mendidik dan menanamkan nilai murni dalam diri anak-anak mereka dalam

A

B

C

usaha melahirkan masyarakat penyayang. Tiada kesalahan.

D

14 . Oleh sebab Cikgu Zubaidah kesakitan, tugas mengetuai lawatan itu telah diambil alih oleh

A

B

C

guru lain. Tiada kesalahan.

D

15. Pada bulan November setiap tahun, banyak pelancong dari luar negara berkunjung ke Sabah

A

B

kerana mereka ingin mendaki Bukit Kinabalu. Tiada kesalahan.

C

D

## SOALAN 16 HINGGA SOALAN 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan  ***perkataan yang berhuruf condong***  dengan betul.

16. I Hubungan Zubir dengan adiknya *tajam* kerana berebut harta.

II Penjual daging itu menggunakan pisau yang *tajam* untuk memudahkan kerjanya.

III Murid-murid yang melanggar disiplin itu berasa takut apabila Cikgu Zainal memerhatikan mereka dengan pandangan yang *tajam*.

IV Perompak-perompak yang menggunakan senjata *tajam* telah berjaya menakutkan pengawal keselamatan dan para pekerja bank itu.

A. I dan II sahaja

B. III dan IV sahaja

C. I, II, dan III sahaja

D. II, III, dan IV sahaja

17. I *Muka* jalan yang licin merupakan antara faktor kemalangan jalan raya berlaku.  
II *Muka* novel itu telah ditandatangani oleh penulis terkenal itu.  
III Akibat terlalu diberi *muka*, kanak-kanak itu bertambah nakal dan degil.  
IV *Muka* pengantin itu berseri-seri setelah disolek oleh Mak Andam.
- A. I dan II sahaja  
B. III dan IV sahaja  
C. I, II, dan III sahaja  
D. II, III, dan IV sahaja

#### SOALAN 18 HINGGA SOALAN 19

*Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan **ayat yang dicetak tebal**.*

18. **Kata kakak, “ Pinggan kaca ini berkecai setelah terlepas daripada pegangan adik.”**
- A. Kakak menyatakan bahawa adik melepaskan pinggan kaca yang ada pada tangannya sehingga pinggan itu berkecai.  
B. Adik memberitahu kakak bahawa dia sengaja menjatuhkan pinggan yang dipegangnya itu sehingga berkecai.  
C. Kakak menjelaskan bahawa pinggan kaca yang dipegang oleh adik itu telah terlepas lalu pecah.  
D. Adik memberitahu bahawa dia melepaskan pinggan kaca itu daripada pegangan kakak sehingga menyebabkan pinggan itu pecah.
19. **Pasukan Pandu Puteri telah menjalani Kursus Perkhemahan Asas di kaki Gunung Jerai selama tiga hari.**
- A. Kursus Perkhemahan Asas telah dianjurkan oleh pasukan Pandu Puteri di kaki Gunung Jerai selama tiga hari.  
B. Selama tiga hari pasukan Pandu Puteri telah mengikuti Kursus Perkhemahan Asas di kaki Gunung Jerai.  
C. Kursus Perkhemahan Asas telah dijalani oleh tiga pasukan Pandu Puteri di kaki Gunung Jerai.  
D. Pasukan Pandu Puteri telah mengadakan Kursus Perkhemahan Asas di kaki Gunung Jerai.

#### SOALAN 20 HINGGA 21

*Pilih ayat-ayat yang betul.*

20. I Nabila tidak secantik kakaknya.  
II Ayah mengingatkan saya supaya sentiasa berkelakuan baik.  
III Lili menangis apabila terkenangkan peristiwa pahit yang melanda dirinya.  
IV Keadaan di pasar itu kacau-bilau oleh suara penjual dan pembeli.
- A. I dan II sahaja  
B. III dan IV sahaja  
C. I, II, dan III sahaja  
D. II, III, dan IV sahaja

21. I Cis, berani kamu mencabar aku!  
II Penjenayah itu telah dijatuhi hukuman penjara selama lapan tahun.  
III Beg yang baru dibeli oleh Hafizi tercicir di dalam bas.  
IV Kakak memberikan saya sepasang kasut yang cantik.
- A. I dan III sahaja  
B. II dan IV sahaja  
C. I, II, dan III sahaja  
D. II, III, dan IV sahaja

### SOALAN 22 HINGGA SOALAN 23

*Sebahagian daripada ayat yang dicetak tebal mungkin mengandungi **kesalahan** penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak**. Jika ada menganggap bahawa bahasa bahagian yang dicetak tebal itu salah dan perlu diubah, tandakan **A**, **B**, atau **C** dan jika **tiada kesalahan**, tandakan **D**.*

22. Para peserta ekspedisi itu berjalan mengikut kumpulan dengan **berpandukan kepada kompas**.
- A. berpandu kompas  
B. berpandukan kompas  
C. berpandu pada kompas  
D. berpandukan kepada kompas
23. Amalan gotong-royong **boleh memberikan berbagai faedah** kepada masyarakat.
- A. boleh memberi pelbagai faedah  
B. dapat memberikan pelbagai faedah  
C. dapat memberi berbagai faedah  
D. boleh memberikan berbagai faedah

### SOALAN 24 HINGGA SOALAN 25

Pilih **peribahasa** yang paling sesuai.

24. Mereka bekerjasama membersihkan kawasan laut yang dicemari oleh tumpahan minyak. Bak kata pepatah, \_\_\_\_\_.
- A. laksana burung dalam sangkar  
B. bagai kerbau dicucuk hidung  
C. berat sama dipikul, ringan sama dijinjing  
D. di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
25. Usahlah dikesali dengan apa yang telah berlaku kerana \_\_\_\_\_.
- A. sambil menyelam minum air  
B. ukur baju di badan sendiri  
C. nasi sudah menjadi bubur  
D. duduk sama rendah, berdiri sama tinggi

# 独中初一

赶快来体验吧!

2个星期  
免费试课

30网校 buxi

不满意不收费!

点击报名▶

想要询问其他年级或更多有关免费试课的详情，欢迎联络我们 (011-2818 3030) 哟!

[https://wa.link/l1h4e2?utm\\_medium=pdf&utm\\_source=pdf\\_ad&utm\\_campaign=cis\\_entrance\\_exam](https://wa.link/l1h4e2?utm_medium=pdf&utm_source=pdf_ad&utm_campaign=cis_entrance_exam)

30网校 buxi

如果这些考卷帮到您，  
希望您也可以与我们分享所持有的考卷。  
不管是入学考卷，还是其他年级的考卷，  
我们都无任欢迎哦!

30网校 f >

如果您有试卷想要提供，欢迎私信我们的面子书专页 [【30 网校】](#)，或者电邮至: [hi@30.com.my](mailto:hi@30.com.my)

## SOALAN 26 HINGGA 30

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

| SAYANGKU PADA ALAM           |                                  |
|------------------------------|----------------------------------|
| Mashudi Bahari               |                                  |
| Sayangku pada alam           | Sayangku pada alam               |
| Telah kubuktikan             | Telah kubuktikan                 |
| Jimatkan air                 | Menggunakan beg mesra alam       |
| Jimatkan elektrik.           | Sebagai pengganti plastik.       |
| Sayangku pada alam           | Sayangku pada alam               |
| Telah kubuktikan             | Telah kubuktikan                 |
| Guna dan kitar semula kertas | Hiaskan taman di sekitar         |
| Demi menyelamatkan pokok.    | Suasana <b>nyaman</b> dan segar. |

26. Apakah maksud perkataan “**nyaman**” yang terdapat dalam sajak tersebut?

- A. tercemar                      B. bising                      C. segar                      D. kotor

27.

Sayangku pada alam  
Telah kubuktikan  
Guna dan kitar semula kertas  
Demi menyelamatkan pokok.

Maksud keseluruhan rangkai kata di atas ialah

- A. Guna semula kertas supaya pokok dapat diselamatkan                      C. Tanam semula pokok-pokok  
B. Tebang pokok untuk membuat kertas                      D. Kertas penting untuk menyelamatkan pokok

28. Berikut merupakan bahan-bahan yang boleh dikitar semula **kecuali**....

- A. tayar                      C. botol  
B. tin minuman                      D. bateri

29. Apakah bahan yang sesuai untuk membuat beg mesra alam?

- A. Plastik                      B. Kertas                      C. Besi                      D. Kaca

30. Yang berikut merupakan maklumat yang terdapat dalam sajak *Sayangku Pada Alam* **kecuali**

- A. kitar semula kertas supaya pokok dapat diselamatkan  
B. berjimat cermat menggunakan air dan elektrik  
C. menggunakan beg yang tidak mencemarkan alam sekitar  
D. mengadakan kempen mencintai alam sekitar

## Bahagian B

Bahagian ini mengandungi satu petikan dan dua soalan karangan. Jawab **semua** soalan dalam petikan tersebut dan **satu** daripada soalan karangan sahaja.

### PETIKAN

#### SOALAN 1 HINGGA SOALAN 5

*Baca petikan di bawah, kemudian tulis jawaban anda di kertas jawaban yang disediakan.*

Aku bernama Proton Saga. Aku dibuat di sebuah kilang di Shah Alam. Seluruh badanku diwarnakan dengan warna merah. Aku menjadi kebanggaan rakyat Malaysia kerana aku merupakan kereta kebangsaan negara ini. Aku juga merupakan kereta pertama yang dibuat di Malaysia. Setelah beberapa hari, aku dikeluarkan dari kilang, aku telah dibeli oleh seorang lelaki muda. Dia membeliku kerana tertarik dengan kecantikanku.

Kini aku tinggal bersama-sama tuan baharuku dan keluarganya di Petaling Jaya. Pada setiap hari, dia memanduku ke sekolah. Aku berasa gembira kerana dapat **berjasa** kepada tuan baharuku yang merupakan seorang guru sekolah. Kawan-kawan serta murid-murid di tempat tuanku mengajar selalu memuji kecantikanku.

Aku gembira tinggal bersama tuanku ini. Tuanku selalu memandikan dan membersihkan badanku. Badanku sentiasa bersih dan berkilat. Dia juga tidak membiarkan aku kesejukan dan kepanasan. Apabila hari hujan, dia akan menyelimutkanku dengan kanvas dan menyimpanku di garaj. Apabila hari panas, dia akan meletakkanku di tempat yang teduh. Mereka sekeluarga begitu cermat menjagaku. Mereka juga amat menyayangiku. Tuanku begitu berhati-hati ketika memanduku ke mana sahaja dia pergi. Aku tidak pernah mengalami kerosakan kerana tuanku sentiasa menjagaku dengan baik.

Oleh itu, untuk membalas jasanya, aku berjanji akan berkhidmat dengan sebaik-baiknya kepada tuanku ini.

1. Perkataan **berjasa** dalam petikan bermaksud \_\_\_\_\_. (1 markah)
2. Di manakah 'aku' dibuat? (1 markah)
3. Mengapakah 'aku' menjadi kebanggaan rakyat Malaysia? (2 markah)
4. Mengapakah 'aku' tidak pernah mengalami kerosakan? (2 markah)
5. Pada pendapat anda, apakah usaha yang boleh dilakukan untuk menggalakkan orang ramai membeli barangan buatan Malaysia? (4 markah)



## KARANGAN

Anda dikehendaki menulis **satu** karangan berdasarkan tajuk atau gambar rajah yang terdapat di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 80 patah perkataan**.


1. Ramai pengunjung berkunjung ke pasar malam yang menjual pelbagai jenis barang termasuk beraneka jenis makanan dan minuman.

*Gambarkan suasana pasar malam yang terdapat di tempat anda.*

**Atau**

2. Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam gambar di bawah, bincangkan **Cara-cara mengatasi masalah pembiakan nyamuk aedes** yang menyebabkan demam denggi.

### Cara-cara Mengatasi Masalah Pembiakan Nyamuk Aedes



**SKEMA PEPERIKSAAN KEMASUKAN JUNIOR SATU (2019)**  
**SEKOLAH MENENGAH YU YUAN**  
**KERTAS JAWAPAN BAHASA MALAYSIA**

**Bahagian A (Soalan Objektif)**

- |                                    |                                    |
|------------------------------------|------------------------------------|
| 1. [ A ] [ B ] <b>[ C ]</b> [ D ]  | 16. [ A ] [ B ] [ C ] <b>[ D ]</b> |
| 2. [ A ] [ B ] <b>[ C ]</b> [ D ]  | 17. [ A ] <b>[ B ]</b> [ C ] [ D ] |
| 3. [ A ] [ B ] [ C ] <b>[ D ]</b>  | 18. [ A ] [ B ] <b>[ C ]</b> [ D ] |
| 4. <b>[ A ]</b> [ B ] [ C ] [ D ]  | 19. [ A ] <b>[ B ]</b> [ C ] [ D ] |
| 5. [ A ] [ B ] <b>[ C ]</b> [ D ]  | 20. [ A ] [ B ] <b>[ C ]</b> [ D ] |
| 6. [ A ] <b>[ B ]</b> [ C ] [ D ]  | 21. [ A ] [ B ] <b>[ C ]</b> [ D ] |
| 7. <b>[ A ]</b> [ B ] [ C ] [ D ]  | 22. [ A ] <b>[ B ]</b> [ C ] [ D ] |
| 8. [ A ] <b>[ B ]</b> [ C ] [ D ]  | 23. [ A ] <b>[ B ]</b> [ C ] [ D ] |
| 9. [ A ] <b>[ B ]</b> [ C ] [ D ]  | 24. [ A ] [ B ] <b>[ C ]</b> [ D ] |
| 10. [ A ] [ B ] <b>[ C ]</b> [ D ] | 25. [ A ] [ B ] <b>[ C ]</b> [ D ] |
| 11. [ A ] <b>[ B ]</b> [ C ] [ D ] | 26. [ A ] [ B ] <b>[ C ]</b> [ D ] |
| 12. <b>[ A ]</b> [ B ] [ C ] [ D ] | 27. <b>[ A ]</b> [ B ] [ C ] [ D ] |
| 13. [ A ] [ B ] [ C ] <b>[ D ]</b> | 28. [ A ] [ B ] [ C ] <b>[ D ]</b> |
| 14. <b>[ A ]</b> [ B ] [ C ] [ D ] | 29. [ A ] <b>[ B ]</b> [ C ] [ D ] |
| 15. [ A ] [ B ] <b>[ C ]</b> [ D ] | 30. [ A ] [ B ] [ C ] <b>[ D ]</b> |

**Bahagian B (Pemahaman Petikan)**

1. Maksud berjasa ialah berbakti.
2. 'aku' dibuat di sebuah kilang di Shah Alam.
3. 'aku' menjadi kebanggaan rakyat Malaysia kerana aku merupakan kereta kebangsaan negara ini. Selain itu, 'aku' juga merupakan kereta pertama yang dibuat di Malaysia.
4. 'aku' tidak pernah mengalami kerosakan kerana tuanku menjagaku dengan baik. Selain itu, keluarga tuanku begitu cermat menjagaku dan menyayangiku.
5. Mengadakan kempen 'beli barangan buatan Malaysia' / mengurangkan import barang dari luar negara / menggalakkan dan membantu usahawan-usahawan tempatan memasarkan produk tempatan. (Terima mana-mana jawapan yang relevan)